

Headline	Riadah sambil kenal pokok		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	16 Aug 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	125,514
Page No	12,13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	889 cm <sup>2</sup>
Journalist	Abnor Hamizam Abd Manap	AdValue	RM 30,527
Frequency	Daily	PR Value	RM 91,581



# Riadah sambil kenal pokok

» **FRIM**  
**Pasoh** dibuka kepada orang ramai yang mahu tahu tumbuhan berkayu

Oleh Abnor Hamizam  
 Abd Manap  
 bminggu@bh.com.my

Ramai tidak mengetahui Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mempunyai stesen penyelidikan di Pasoh, Jelebu, Negeri Sembilan berbanding stesen yang sama di Kepong, Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, ia kini sudah mula menerima lawatan orang ramai, terutama dalam kalangan pencinta alam sekitar.

Stesen FRIM Pasoh mula beroperasi sejak tahun 1971 terletak di Hutan Simpan

Pasoh, kira-kira lapan kilometer (km) dari pekan Simpang Pertang adalah stesen penyelidikan luar pertama FRIM daripada sembilan stesen di seluruh negara.

Hutan Simpan Pasoh berkeluasan 13,900 hektar dengan 600 hektar adalah hutan asli yang dilarang sama sekali sebarang aktiviti pembalakan dijalankan di situ.

Pegawai Penyelidik yang juga Penyelaras Stesen Penyelidikan FRIM Pasoh, Dr Christine Fletcher, berkata bagi

tujuan penyelidikan, seluas 1,840 hektar diwartakan sebagai kawasan penyelidikan yang dijalankan oleh pelbagai pihak sama ada dalam atau luar negara.

#### Pokok bernilai tinggi

Katanya, sebanyak 380,000 pokok bernilai tinggi daripada 800 spesies direkodkan bagi kawasan seluas 50 hektar dengan saiz pokok daripada satu sentimeter (sm) sehingga 240 sm. Antara pokok bernilai tinggi di hutan ini adalah cengal dan meranti.

“Kira-kira 25 peratus jenis pokok daripada hutan di negara ini terdapat di Hutan Simpan Pasoh. Tidak hairanlah stesen penyelidikan ini dikunjungi penyelidik luar, terutama dari Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jepun,” katanya.

Christine berkata, di hutan simpan berkenaan pelbagai projek penyelidikan biodiversiti, produktiviti hutan, flora dan fauna, mikrometeorologi, tanah, hidrologi dan kitaran nutrien turut dijalankan dengan kerjasama universiti

Headline	Riadah sambil kenal pokok		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	16 Aug 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	125,514
Page No	12,13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	889 cm <sup>2</sup>
Journalist	Abnor Hamizam Abd Manap	AdValue	RM 30,527
Frequency	Daily	PR Value	RM 91,581

tempatan dan luar.

### Koleksi tumbuhan berkayu

Hutan Simpan Pasoh juga adalah tapak kajian utama bagi Projek Pembiakan Biologi Pokok Hutan, sebuah projek kerjasama antara Universiti Aberdeen United Kingdom dan Universiti Malaya dari tahun 1974 sehingga tahun 1978.

Christine berkata, terdapat satu kawasan yang dikenali Arboretum Pasoh iaitu satu kemudahan penyelidikan yang dibangunkan pada tahun 1989.

Arboretum Pasoh berkeluasan 2.2 hektar itu mengandungi koleksi hidup tumbuhan berkayu (*woody plants*) yang sehingga kini mencatatkan sebanyak 874 pokok merangkumi 279 spesies daripada 44 keluarga.

“Sebuah peta dan senarai nama spesies untuk semua 874 pokok berserta keterangan didokumentasikan di pejabat dan Arboretum ini adalah tapak latihan terbaik terutama kepada pelajar botani dan sains gunaan serta pengur-

jung yang berminat untuk mempelajari kepelbagaiannya pokok tempatan,” katanya.

### Menara aloi kembar tiga

Dalam kawasan Stesen Penyelidikan FRIM Pasoh juga terdapat menara aloi kembar tiga yang dibina pada April 1992, hasil projek kerjasama antara FRIM dan Institut Kajian Alam Sekitar Kebangsaan (NIES) dari

Jepun.

Setiap menara dengan ketinggian 30 meter mempunyai tangga individu di setiap seksyen. Ia dibuat daripada kabel keluli dan saling berkait dengan laluan kanopi yang membentuk segi tiga. Setiap menara berfungsi sebagai konduktor kilat yang berkesan.

Walaupun ia digunakan secara meluas di Amerika Syarikat tetapi menara berkenaan adalah satu-satunya terdapat di negara ini.

Menara ini menyediakan kemudahan untuk kajian mikro iklim dan fisiologi seperti pemerhatian fenologi dan kajian fauna di pelbagai

peringkat kanopi.

“Satu bahagian menara dipanjangkan mencecah ketinggian 52 meter dan ia lebih tinggi daripada ketinggian kanopi pokok. Menara ini hanya boleh digunakan oleh penyelidik kerana ia menempatkan pelbagai peralatan mikrometeorologi yang sensitif,” kata Christine.

### Jambatan gantung

Tarikan lain di Stesen Penyelidikan FRIM Pasoh adalah jambatan gantung sepanjang 475 meter.

Namun, ketika ini ia tidak boleh digunakan kerana salah satu pokok yang menjadi penegikat tali jambatan gantung itu tumbang.

Terdapat dua stesen kaji cuaca yang menggunakan teknologi manual dan digital bagi merekodkan suhu, hujan, angin, kelembapan dan karbon dioksida.

Pihak pengurusan akan bekerjasama dengan Jabatan Meteorologi jika terdapat sebarang perubahan mendadak

pada bacaan yang diambil.

Christine berkata, walaupun hutan simpan di sini tiada gajah dan harimau belang yang sudah dipindahkan sebaik tanah rancangan FELDA berhampiran dibuka, ia masih menjadi habitat hidup liar lain seperti harimau kumbang, rusa, beruang dan kambing gurun.

Katanya, 32 kamera dipasang di lokasi terpilih bagi tujuan perlindungan dan penguatkuasaan haiwan berkenaan.

“Kita sangat mengalaukan kedatangan orang ramai yang berminat mengadakan aktiviti di sini seperti menyusuri denai alam sejauh 2.7 kilometer bagi melihat secara dekat keadaan hutan asli dan hutan regenerasi yang dimiliki oleh Hutan Simpan Pasoh.

“Kemudahan penginapan termasuk tapak perkhemahan di lokasi sesuai, namun perlu membuat permohonan satu minggu lebih awal sebelum ke sini,” katanya.

Headline	Riadah sambil kenal pokok		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	16 Aug 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	125,514
Page No	12,13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	889 cm <sup>2</sup>
Journalist	Abnor Hamizam Abd Manap	AdValue	RM 30,527
Frequency	Daily	PR Value	RM 91,581



Headline	Riadah sambil kenal pokok		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	16 Aug 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	125,514
Page No	12,13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	889 cm <sup>2</sup>
Journalist	Abnor Hamizam Abd Manap	AdValue	RM 30,527
Frequency	Daily	PR Value	RM 91,581

